

Kata Ganti Nama Tempat

Kata ganti nama tempat ialah kata yang digunakan untuk menggantikan sesuatu nama tempat. Terdapat tiga kata ganti nama tempat, iaitu:

sini	tempat yang dekat dengan penutur
situ	tempat yang agak jauh tetapi masih dapat dilihat
sana	tempat yang jauh dan tidak dapat dilihat

Contoh penggunaan:

- (a) Saya dilahirkan dan dibesarkan di *sini* sejak 20 tahun yang lalu.
 (b) Tolong alihkan pasu bunga ini ke *situ* agar terkena cahaya matahari.
 (c) Kami akan ke Langkawi esok dan akan tinggal di hotel sepanjang masa di *sana*.

Peringatan

Biasanya kata sendi *di*, *ke* atau *dari* digunakan bersama-sama kata ganti nama tempat. Kata sendi *daripada* tidak boleh digunakan sama sekali bersama-sama kata ganti nama tempat.

**Latihan Pengukuhan**

A. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Minggu hadapan kami akan mendaki Gunung Kinabalu. Semasa _____ kami akan bergambar di puncaknya.
 A di sini B di sana
- Ahli parlimen kami sering berkunjung _____ untuk membantu mereka yang bermasalah.
 A ke situ B ke sini
- Letakkan basikal kalian _____. Saya akan menjaganya agar tidak hilang.
 A di sana B di sini
- Tolong ubah pasu bunga itu _____ agar senang untuk saya menyiramnya.
 A ke sana B ke situ
- Kami akan berkhemah di Gua Tempurung nanti. Dari _____ kami akan menjelajahnya.
 A sana B situ
- Adakah kamu akan datang ke _____ lagi pada masa hadapan?
 A situ B sini
- Bolehkah saya pergi ke _____ lagi jika wang simpanan saya mencukupi?
 A sana B situ